

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2008

**KADAR CUTI REHAT TAHUNAN DAN TAWARAN OPSYEN
KEPADA PERKHIDMATAN PEGAWAI PENGUAT KUASA
MARITIM DAN PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT
PENGUAT KUASA MARITIM**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai kadar baru kemudahan Cuti Rehat tahunan bagi Perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Rehat disediakan kepada pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim untuk tujuan kecekapan dan kepentingan perkhidmatan. Kadar kelayakan Cuti Rehat bagi seseorang pegawai adalah

tertakluk kepada tempoh perkhidmatan yang melayakkan, iaitu tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan pengiraan kelayakan mendapat cuti.

3. Kadar Cuti Rehat yang berkuat kuasa bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang sedang berkhidmat adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2004 dan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA (S) 223/8/3 Klt. 7 (47) bertarikh 30 Ogos 2005.

PELAKSANAAN

Kadar Cuti Rehat

4. Kadar baru kemudahan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim **lantikan tetap** adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Kadar Cuti Rehat Tahunan Bagi Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Lantikan Tetap

Pangkat	Kadar Cuti Rehat (Hari)	
	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan	Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan Dan Lebih
Leftenan Maritim Dan Ke Atas	25	25
Pegawai Waran I Maritim Hingga Leftenan Madya Maritim	25	25
Laskar Kelas II Maritim Hingga Pegawai Waran II Maritim	20	25

5. Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim **lantikan kontrak**, kadar Cuti Rehat tahunan adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

Jadual 2: Kadar Cuti Rehat Tahunan Bagi Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Lantikan Kontrak

Pangkat	Kadar Cuti Rehat (Hari)
Leftenan Maritim Dan Ke Atas	25
Pegawai Waran I Maritim Hingga Leftenan Madya Maritim	25
Laskar Kelas II Maritim Hingga Pegawai Waran II Maritim	20

Pegawai Yang Terlibat

6. Kadar Cuti Rehat tahunan seperti yang ditetapkan di Jadual 1 dan Jadual 2 dalam Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa kepada:

- i. pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim lantikan tetap dan kontrak yang **dilantik mulai 1 Januari 2009**; dan
- ii. pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim lantikan tetap dan kontrak yang **sedang berkhidmat** dan telah **bersetuju menerima** opsyen untuk memilih kadar Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual-jadual berkenaan.

Tawaran Opsyen

7. Tawaran opsyen untuk memilih kadar Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini adalah diberi kepada semua pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim lantikan tetap dan kontrak yang masih berkhidmat **pada atau selepas 1 Januari 2009**, termasuklah pegawai yang sedang-

- i. dalam tempoh percubaan;
- ii. dipinjamkan;
- iii. dalam pertukaran sementara;
- iv. dalam tempoh bercuti (semua jenis cuti); dan
- v. dalam proses tindakan tatatertib.

8. Tawaran opsyen bagi memilih kadar Cuti Rehat tahunan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini adalah **tidak perlu** diberikan kepada pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang telah memilih **bersara wajib** pada umur persaraan 55 atau 56 tahun **sebelum atau pada 1 Januari 2009**.

9. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang ditawarkan opsyen adalah diminta untuk membuat pilihan sama ada-

- i. **kekai** diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2004 atau Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA (S) 223/8/3 Klt. 7 (47) bertarikh 30 Ogos 2005 atau Perjanjian/ Kontrak berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008, atau pekeliing, atau surat pekeliing atau peraturan lain yang berkaitan; tertakluk kepada semua peruntukan pekeliing, surat pekeliing atau peraturan yang berkuat kuasa tersebut; atau
- ii. **bersetuju memilih** kadar Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan di Jadual 1 atau Jadual 2 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2008; tertakluk kepada semua peruntukan Pekeliling Perkhidmatan berkenaan.

Implikasi Opsyen

10. Implikasi bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang **bersetuju menerima opsyen** dan memilih kadar Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan di Jadual 1 atau Jadual 2 dalam Pekeliling Perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

- i. kadar Cuti Rehat tahunan bagi pegawai yang berkaitan akan dipinda mengikut ketetapan dalam jadual-jadual tersebut;
- ii. bagi pegawai yang sedang dan akan menikmati kadar Cuti Rehat tahunan melebihi 25 hari setahun, bilangan maksimum Cuti Rehat tahunan yang boleh dikumpulkan bagi maksud Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk sesuatu tahun akan berkurangan; dan

- iii. tempoh yang diperlukan untuk memenuhi bilangan maksimum GCR akan bertambah.

11. Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang **menolak opsyen** di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar Cuti Rehat tahunan pegawai berkenaan adalah ditetapkan mengikut peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2004 atau Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA (S) 223/8/3 Klt. 7 (47) bertarikh 30 Ogos 2005 atau Perjanjian/Kontrak berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008, atau pekeling, atau surat pekeling atau peraturan lain yang terpakai kepada pegawai.

Borang Opsyen

12. Ketua Jabatan hendaklah mengedarkan borang opsyen seperti di **Lampiran A** kepada setiap pegawai yang layak diberi opsyen.

Tempoh Opsyen

13. Tertakluk kepada peruntukan dalam perenggan 14 dan 15 dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim hendaklah membuat opsyen dan menyerahkan borang opsyen kepada Ketua Jabatan **selewat-lewatnya pada 31 Disember 2008**. Pegawai yang tidak membuat opsyen atau tidak menyerahkan borang opsyen sebelum/ pada tarikh tersebut atau yang membuat opsyen dengan bantahan atau syarat tambahan disifatkan sebagai **menolak opsyen** ini dan memilih untuk kekal diberi kemudahan Cuti Rehat mengikut kelayakannya sebelum pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini. Opsyen oleh pegawai akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009 dan adalah **muktamad**.

14. Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang menerima surat pelantikan yang bertarikh pada atau selepas 1 Januari 2009 dan tarikh kuat kuasa pelantikannya ditetapkan pada suatu tarikh **sebelum 1 Januari 2009**, pegawai hendaklah diberi opsyen pada tarikh surat pelantikan tersebut dan opsyen itu akan menjadi **muktamad** pada hari **selepas hari yang ke-30** daripada tarikh **surat tawaran opsyen**.

15. Sekiranya borang opsyen tidak dapat disampaikan kepada pegawai termasuk pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 7, Ketua Jabatan boleh menawarkan opsyen dengan memberikan tempoh selama **30 hari** bagi membolehkan pegawai yang berkenaan membuat pilihan walaupun tempoh asal opsyen telah tamat.

Merekod Opsyen Pegawai Dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan

16. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk merekodkan ke dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan bagi pegawai berkaitan maklumat seperti berikut:

“Opsyen Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2008

Telah memilih untuk kekal diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2004 atau Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA (S) 223/8/3 Klt. 7 (47) bertarikh 30 Ogos 2005 atau Perjanjian/ Kontrak berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008, atau pekeling, atau surat pekeling atau peraturan lain yang berkaitan; tertakluk kepada semua peruntukan pekeling, surat pekeling atau peraturan yang berkuat kuasa tersebut.

(ATAU)

Telah bersetuju memilih kadar Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan di Jadual 1/ Jadual 2 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2008; tertakluk kepada semua peruntukan Pekeliling Perkhidmatan berkenaan.*

***Tanda tangan pihak yang mengesahkan,
jawatannya dan tarikh pengesahan”***

* Potong mana yang tidak berkenaan.

Pindaan Bagi Kontrak Yang Sedang Berkuat Kuasa

17. Bagi pegawai lantikan secara kontrak yang dilantik sebelum 1 Januari 2009 dan tempoh kontraknya masih berkuat kuasa pada atau selepas 1 Januari 2009 dan telah **bersetuju memilih** kadar Cuti Rehat sebagaimana yang ditetapkan di Jadual 2 dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan **meminda** jumlah Cuti Rehat yang dinyatakan dalam kontrak pegawai itu bagi menyatakan kadar baru Cuti Rehat sekiranya opsyen di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini diterima oleh pegawai.


Maklum Balas Ketua Jabatan Kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan)

18. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan laporan pemilihan opsyen di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan) **selewat-lewatnya pada 31 Januari 2009** mengikut format seperti di **Lampiran B**.

TARIKH KUAT KUASA

19. Tertakluk kepada tarikh kuat kuasa kadar baru kemudahan Cuti Rehat tahunan pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim iaitu mulai 1 Januari 2009, Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

/ Disember 2008

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2008
Borang Opsyen

Kepada: _____

(Nama & Alamat Ketua Jabatan)

Tuan,

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2008, saya adalah dengan ini membuat opsyen untuk*:

Kekal diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2004, atau Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA (S) 223/8/3 Klt. 7 (47) bertarikh 30 Ogos 2005 atau Perjanjian/ Kontrak berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008, atau pekeling, atau surat pekeling atau peraturan lain yang berkaitan; tertakluk kepada semua peruntukan pekeling, surat pekeling atau peraturan yang berkuat kuasa tersebut.

ATAU

Bersetuju memilih kadar Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan di Jadual 1/ Jadual 2** dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2008; tertakluk kepada semua peruntukan Pekeliling Perkhidmatan berkenaan.

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2008 serta implikasi opsyen saya ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat ini adalah **muktamad**.

Tanda Tangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan/ Pasport :
Jawatan :
Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam petak yang berkenaan

** Potong mana yang tidak berkenaan

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2008
Laporan Pemilihan Opsyen

Pilihan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 2008	Kekal Diberi Kemudahan Cuti Rehat Tahunan Mengikut Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Peraturan Yang Sedang Berkuat Kuasa				Bersetuju Memilih Kadar Cuti Rehat Tahunan Mengikut Ketetapan Di Jadual 1 Atau Jadual 2 Dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2008			
	Lantikan Sebelum 1 September 2005		Lantikan Mulai 1 September 2005		Lantikan Sebelum 1 September 2005		Lantikan Mulai 1 September 2005	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Leftenan Maritim Dan Ke Atas								
Pegawai Waran I Maritim Hingga Leftenan Madya Maritim								
Laskar Kelas II Maritim Hingga Pegawai Waran II Maritim								

Pegawai Yang Mengesahkan Maklumat

Nama & Alamat Lengkap Jabatan

Tanda Tangan :

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

Tarikh :